

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
JALAN CENDERASARI  
50590 KUALA LUMPUR

Bil. (70) dlm. KKM-82/2/6

21 hb November, 1986

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan,  
Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan,  
Sabah/Sarawak.

Pengarah, HB KL.

Pengarah, Hospital Universiti U.M.

Pengarah, Hospital Universiti USM, Kubang Kerian.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL.15/1986

Perakuan Pengalaman Dalam Satu Jawatan Perubatan Bertempat  
Tinggal - Borang 6

Saya perhatikan banyak Borang-Borang 6 yang saya terima yang telah tidak diisi dengan betul. Kesalahan-kesalahan yang telah dikesan adalah seperti berikut:

(a) Borang 6 diisi lebih awal dari tarikh tamat latihan doktor siswazah. Umpamanya bagi seorang doktor siswazah yang tempoh latihannya tamat pada 14hb November, 1986, Borang 6 telah diisi pada 16hb Oktober, 1986.

dan (b) Tarikh tandatangan Pegawai Perubatan yang menjaga Hospital tidak dicatitkan.


2. Dengan ini tuan adalah diminta mematuhi peraturan-peraturan yang berikut:-

(a) Borang 6 hendaklah diisi selepas tarikh tamat latihan doktor siswazah.

dan (b) Tarikh tandatangan Pegawai Perubatan yang menjaga Hospital hendaklah dicatitkan.

3. Tempoh satu bulan selepas latihan doktor siswazah telah diberi bagi seseorang itu diberi pendaftaran penuh. Oleh yang demikian saya tidak nampak sebarang sebab mengapa Borang 6 perlu diisi lebih awal dari tarikh tamat latihan doktor siswazah.

Saya yang menurut perintah,



Tan Sri Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: YB Menteri Kesihatan.  
YB Timbalan Menteri Kesihatan.  
YB Setiausaha Parlimen.  
Ketua Setiausaha.  
Semua Ketua Bahagian.  
Pegawai Kanan Perhubungan Awam.  
Setiausaha, Majlis Perubatan Malaysia.

-/re